

Harus berniaga pada musim haji

SYEIKH al-Maghari berkata: "Tempat yang satu menunjukkan kebersamaan, meninggalkan unsur takbur, inilah hakikat maksud agama. Justeru hendaklah kamu meminta ampun dan beristighfar kepada Allah daripada perbuatan mengubah acara ibadat haji selepas Nabi Ibrahim dan memasukkan unsur-unsur syirik dalam amalan haji. Sesungguhnya Allah Maha Luas Pengampunan dan rahmat-Nya."

Kemudian ayat-ayat berikut menjelaskan hukum-hukum haji dan peraturan-peraturannya. Di sini ia menjelaskan hukum-hukum menjalankan perniagaan atau mengambil upah atau memberi sewa kenderaan oleh orang yang mengerjakan haji dan hukum ifadhah (bertolak dari Arafah) dan tempatnya, serta zikir-zikir dan istighfar yang seharusnya dibaca selepas ifadhah itu.

Firman Allah: *Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, talbiah dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haram (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya.*

Selain dari itu hendaklah kamu bertolak turun dari (Arafah) tempat bertolak orang ramai, dan beristighfarlah kamu kepada Allah (dengan memohon ampun), sesungguhnya Allah maha pengampun, lagi maha mengasihani. (Al-Baqarah: 198-199)

Firman Allah: *Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji). Dalam satu riwayat lain dari Abu Saleh Maula Umar (diriwayatkan oleh Ibn Jabir) katanya: Aku berkata (kepada Umar): Wahai Amirul Mukminin! Adakah anda sekalian berniaga di musim haji? Jawab Umar: Bukankah mereka tidak mencari kehidupan mereka melainkan di dalam musim haji?*

Perasaan segan dan rasa bersalah berniaga (di musim haji) yang disebut oleh dua riwayat yang pertama dan merasa bersalah memberi sewa dan mengambil upah dalam musim haji yang disebut di dalam riwayat yang ketiga adalah sebahagian dari rasa segan dan bersalah yang ditanam oleh Islam di dalam hati mereka terhadap setiap perkara yang lumrah di masa jahiliah.

Mereka akan menunggu pendapat Islam sebelum melakukannya. Inilah keadaan yang telah kami jelaskan di awal juzuk ini ketika memperkatakan

TAFSIR AL-QURAN & ASBABUN NUZUL

tentang perasaan segan mereka hendak bertawaf di Bukit Safa dan Marwah.

Al-Sonhadji berkata: "Pada zaman Islam, ramai enggan berniaga sebagaimana kebiasaan mereka. Malah ada setengah orang yang kerjanya mengambil upah untuk sara hidupnya, telah digelar oleh kawan-kawannya bahawa haji tidak sah. Setelah orang itu mengadu kepada Rasulullah s.a.w mengenai tuduhan itu, maka Rasulullah diam seketika, lalu turunlah ayat ini."

Afdal

Sesetengah ulama berkata, perniagaan ini jika dilakukan sehingga mengurangkan pekerjaan hajinya adalah tidak dibenarkan. Tetapi jika tidak mengurangkan, adalah dibenarkan (harus hukumnya). Namun demikian, yang lebih utama hendaklah ibadat haji itu dipisahkan dari kerja lain, kerana yang demikian adalah afdal dan lebih sempurna.

Firman Allah s.w.t: *Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, talbiah dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haram (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya.*

Mengikut al-Dohak, setelah Nabi Adam dan Siti Hawa (a.s) terkeluar dari syurga, kedua-duanya dipisahkan oleh Allah. Nabi Adam diturunkan di India dan Siti Hawa diturunkan di Jeddah. Kedua-duanya saling mencari. Akhirnya berjumpa di sebuah padang, lalu mengenali antara satu sama lain. Semenjak itulah tempat tersebut digelar Padang Arafah.

Hari itu pun digelar hari Arafah dan peristiwa perkenalan itu pun digelar peristiwa Arafah. Lalu menjadi satu tradisi dan amalan zaman berzaman, hingga ke zaman kedatangan Islam - yang dijadikannya pula rukun Islam kelima.

Di sanalah seluruh kaum Muslimin dari pelosok dunia ini menghantar wakilannya untuk berhimpun dan berkenal-kenalan, di samping menyahut (menunaikan) seruan Nabi Ibrahim (a.s) untuk mengerjakan haji.

Arafah adalah tempat wukuf, yakni tempat semua jemaah haji berhenti. Waktunya dari tergelincir matahari 9 Zulhijjah hingga terbit fajar *sadik* pada

Pada zaman Islam, ramai enggan berniaga sebagaimana kebiasaan mereka

malam Hari Raya Korban. Wukuf itu menjadi salah satu rukun haji. Siapa yang luput dari masanya, tidak sah hajinya.

Setelah wukuf pada masa tersebut - walaupun hanya sebentar - bolehlah beredar untuk menyempurnakan pekerjaan haji yang lain, dan bila sampai di al-Masy'aril Haram (Muzdalifah), serulah Allah dengan berdoa dan bertalbiah, tasbih dan puji-pujian untuk-Nya.

Sebutlah nama Allah dengan men-tauhidkan-Nya dan mengagungkan-Nya, sebagaimana kamu telah ditunjuki-Nya dengan hidayat-Nya, kerana kamu sudah pun sesat sebelum ditunjuki-Nya.

Wukuf di Arafah merupakan tiang seri amalan-amalan haji. Waktunya mulai dari gelincir matahari (Zuhur) hari Arafah - iaitu hari yang kesembilan Zulhijjah - sehingga naik fajar hari korban. Di sana ada satu pendapat yang dipegang oleh Imam Ahmad, iaitu waktu wukuf itu mulai dari awal hari Arafah.

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan para Ashab al-Sunan dan disahihkan oleh al-Tarmizi.

Dari al-Sya'bi dari 'Urwah Ibn Mu-harrir Ibn Harithah Ibn Lam al-Ta'i katanya: Aku datang menemui Rasulullah s.a.w di Muzdalifah ketika beliau keluar solat lalu aku bertanya kepadanya: Wahai Rasulullah, saya datang dari Jabal Tay'i, saya telah meng-alungkan kenderaan saya dan menatankan diri saya. Demi Allah tiada bukti melainkan kami berhenti padanya. Adakah saya mendapat haji? Jawab Rasulullah s.a.w yang bermaksud: *Barang siapa yang mengikuti solat kami ini dan wukuf bersama kami hingga kami bertolak dan sebelum ini dia telah wuquf di Arafah sama ada di waktu malam atau di waktu siang, maka sempurnalah hajinya dan habislah kekotoranannya.*

Al-Masy'aril Haram ialah Muzdalifah. Di sini al-Quran menyuruh berzikir di Masy'aril Haram selepas bertolak dari Arafah. Kemudian ia mengingatkan kaum muslimin bahawa berzikir adalah dari hidayat Allah kepada mereka dan ia merupakan pernyataan bersyukur di atas hidayat ini.

Ia juga mengingatkan tentang keadaan mereka sebelum Allah memberi hidayat kepada mereka.

Firman Allah: *dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan*

orang-orang yang salah jalan ibadatnya.

Oleh itu, tidak syak lagi khayalan, ingatan dan perasaan mereka perlahan-lahan dipenuhi oleh gambaran-gambaran hidup mereka yang sesat, hina dan mundur yang mencorakkan seluruh sejarah silam mereka.

Kemudian apabila mereka menoleh semula kepada diri mereka untuk melihat kedudukan mereka yang baru yang diangkat oleh Islam, iaitu kedudukan di mana Allah telah membimbing mereka kepadanya dengan perantaraan agama Islam ini.

Maka sudah tentu mereka akan menginsafi betapa dalam dan kuatnya hakikat ini bertapak dalam seluruh kewujudan atau kehidupan mereka tanpa dapat dipertikaikan lagi.

Firman Allah: *Selain dari itu hendaklah kamu bertolak turun dari (Arafah) tempat bertolak orang ramai, dan beristighfarlah kamu kepada Allah (dengan memohon ampun), sesungguhnya Allah maha pengampun, lagi maha mengasihani.*

Mengikuti riwayat al-Bukhari dan Muslim, orang-orang Quraisy dan yang menganut agama mereka daripada Qabilah Kinanah, Judailah dan Qais yang dikenali dengan ketebalan anutan sentiasa berwukuf pada zaman jahiliah di Muzdalifah kerana merasa mulia daripada berwukuf seperti orang lain di Arafah.

Ini kerana Arafah tanah halal sedangkan Muzdalifah tanah haram. Lantas Allah perintahkan untuk berwukuf seperti orang lain untuk membatalkan adat tradisi mereka.

Iktibar dan pengajaran ayat:

- Kelebihan zikrullah di tempat-tempat yang mulia seperti Masy'aril Haram dan juga pada waktu-waktu yang mulia seperti selepas haji atau solat.
- Petunjuk yang sebenarnya daripada Allah, justeru sewajarnya kita memohon dengan Allah.
- Sifat Allah yang maha pengampun dan penyayang. Oleh itu sewajarnya kita beristighfar dan memohon keampunan darinya.

■ DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI ialah pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).